

KERANGKA KONSEPTUAL TADBIR URUS REPUTASI DAN IMEJ INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA

A CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR THE REPUTATION AND IMAGE GOVERNANCE OF TAHFIZ EDUCATIONAL INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Mohammad Mahyuddin bin Khalid^{1*}
Mohd Solahuddin Shahrudin²
Suliah Mohd Aris³
Hanifah Musa Fathullah Harun⁴
Zanirah Mustafa⁵

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: emkay@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: msolahuddin@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: suliah384@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: hanifah0704@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan Darul Naim, Malaysia

(E-mail: zanir125@uitm.edu.my)

*Corresponding author: emkay@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-7-2025

Revised date : 20-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 18-9-2025

To cite this document:

Khalid, M. M. bin, Shahrudin, M. S., Aris, S. M., Harun, H. M. F., & Mustafa, Z. (2025). Kerangka konseptual tadbir urus reputasi dan imej institusi pendidikan tahfiz di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 216 - 226

Abstrak: Pendidikan Tahfiz di Malaysia sedang mengalami perkembangan pesat, diiringi dengan peningkatan jangkaan daripada pihak berkepentingan terhadap kualiti, akauntabiliti, dan tadbir urus. Reputasi dan imej institusi-institusi ini bukan sahaja penting untuk kelestarian, tetapi juga kritikal dalam mengekalkan kepercayaan masyarakat. Kertas kerja ini bermatlamat membangunkan satu kerangka konseptual bagi menganalisis reputasi dan imej institusi pendidikan tahfiz di Malaysia. Dengan mengintegrasikan teori organisasi seperti teori pihak berkepentingan dan teori institusi, kajian mendapati bahawa reputasi institusi tahfiz terbentuk hasil daripada interaksi kompleks antara tadbir urus dalaman (seperti kualiti akademik, pengurusan risiko, dan pematuhan syariah) dan persepsi luaran yang terhasil daripada pihak berkepentingan termasuk ibu bapa, pihak berkuasa agama, media, dan masyarakat umum. Kertas kerja ini mencadangkan sebuah model yang menghubungkan amalan tadbir urus,

pengurusan risiko reputasi, dan strategi komunikasi dengan kesan kepada kewujudan reputasi seperti kepercayaan (trust) dan keabsahan (legitimacy). Kertas kerja ini menganalisis dapatan daripada kajian-kajian lepas dan dokumen dasar untuk membincangkan cabaran-cabaran semasa dalam aspek teknologi, masalah sosial, persijilan, dan modenisasi. Akhir sekali, kertas kerja ini membincangkan implikasi praktikal bagi penggubal dasar dan pentadbir institusi tahfiz dalam mengurus reputasi mereka secara proaktif dalam landskap pendidikan yang semakin mencabar.

Kata Kunci: *Reputasi Institusi, Imej Organisasi, Pendidikan Tahfiz, Tadbir Urus, Institusi Pendidikan Islam, Malaysia*

Abstract: *Tahfiz education in Malaysia is experiencing rapid development, accompanied by rising stakeholder expectations for quality, accountability, and governance. The reputation and image of these institutions are not only crucial for sustainability but are also critical for maintaining public trust. This paper aims to develop a conceptual framework for analysing the reputation and image of Tahfiz educational institutions in Malaysia. By integrating organizational theories such as stakeholder theory and institutional theory, the study finds that the reputation of Tahfiz institutions is formed from the complex interaction between internal governance (such as academic quality, risk management, and Shariah compliance) and external perceptions shaped by stakeholders, including parents, religious authorities, the media, and the general public. This paper proposes a model that links governance practices, reputation risk management, and communication strategies to reputational outcomes such as trust and legitimacy. The paper analyses findings from previous studies and policy documents to discuss current challenges in the aspects of technology, social issues, certification, and modernization. Finally, this paper discusses the practical implications for policymakers and Tahfiz institution administrators in proactively managing their reputation within an increasingly challenging educational landscape.*

Keywords: *Institutional Reputation, Organizational Image, Tahfiz Education, Governance, Islamic Educational Institutions, Malaysia*

Pengenalan

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah mengalami evolusi yang signifikan, bermula daripada bentuk pengajian tidak formal di surau dan masjid kepada sistem yang semakin terinstitusi selepas negara mencapai kemerdekaan (Latiff & Jaafar, 2024). Penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz Al-Quran pada tahun 1966, yang kemudiannya dinaik taraf menjadi Darul Quran pada tahun 1998, mencerminkan kemajuan positif dalam pembangunan pendidikan Islam negara (Mohammad & Akhir, 2023). Perkembangan ini menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz bukan lagi bersifat marginal, tetapi telah menjadi sebahagian daripada arus perdana pendidikan agama di Malaysia.

Pada masa kini, institusi tahfiz berkembang dalam pelbagai bentuk dan kategori, termasuk institusi yang dikendalikan oleh kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, sektor swasta, serta badan bukan kerajaan (NGO), bagi menyediakan peluang pendidikan kepada pelbagai peringkat umur (Mohammad & Akhir, 2023; IYRES, 2019). Fenomena ini didorong oleh kesedaran masyarakat Islam yang semakin tinggi terhadap kepentingan pendidikan agama, khususnya hafazan al-Quran, sebagai wadah utama dalam pembentukan jati diri dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Latiff & Jaafar, 2024).

Dalam konteks institusi pendidikan Islam, reputasi dan imej memainkan peranan yang amat penting. Reputasi bukan sahaja dibina atas asas kecemerlangan akademik, tetapi lebih utama, ia berasaskan kepercayaan (trust), keabsahan (legitimacy), dan integriti moral (Daniels & Gustafson, 2016). Reputasi berfungsi sebagai janji institusi kepada pihak berkepentingan, yang menuntut pengurusan nilai tambah secara konsisten dan telus (Tolbert, 2013). Bagi institusi tahfiz, nilai tambah ini bukan sahaja terletak pada keupayaan melahirkan huffaz, tetapi juga dalam membentuk sahsiah pelajar secara holistik serta menyediakan laluan kerjaya yang mampan dan relevan dengan keperluan semasa.

Namun, pertumbuhan pesat institusi tahfiz turut membawa pelbagai cabaran yang memberi kesan langsung terhadap reputasi dan imej sektor ini secara keseluruhan. Kewujudan terlalu banyak institusi tahfiz telah menimbulkan isu-isu berkaitan pentadbiran, pengurusan, kualiti pengajian, dan standard keselamatan (Latiff & Jaafar, 2024). Laporan media mengenai masalah sosial dalam kalangan pelajar (Mohd Izzatul Izuan Tahir, 2020, seperti yang dipetik dalam Latiff & Jaafar, 2024) serta cabaran pengurusan kewangan dalam institusi swasta (Yusof et al., 2022, seperti yang dipetik dalam Mohammad & Akhir, 2023) telah menjejaskan persepsi awam terhadap institusi tahfiz. Kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) (2019) turut menekankan keperluan untuk memperkemas aspek kualiti, keselamatan, dan keseragaman pelaksanaan bagi menjamin keberkesanan institusi tahfiz. Sekiranya cabaran-cabaran ini tidak ditangani secara strategik, ia berpotensi menimbulkan risiko reputasi yang serius dan menghakis kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini.

Sehubungan itu, terdapat keperluan mendesak untuk meneliti bagaimana tadbir urus reputasi dan imej dapat diperkasakan dalam ekosistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Makalah ini bertujuan untuk membangunkan satu kerangka konseptual bagi memahami proses pembentukan dan pengurusan reputasi serta imej institusi tahfiz, menganalisis faktor-faktor tadbir urus dalaman serta cabaran semasa yang mempengaruhi persepsi luaran, dan menghuraikan peranan pihak-pihak berkepentingan dalam membentuk serta mengekalkan reputasi institusi tahfiz secara berterusan. Persoalan utama yang ingin dijawab ialah bagaimana kerangka tadbir urus reputasi yang bersepadu dapat membantu institusi tahfiz di Malaysia menangani cabaran dalaman dan persepsi luaran dalam usaha membina kepercayaan serta keabsahan yang mampan.

Sorotan Literatur

Asas Teori: Reputasi, Imej dan Kepercayaan dalam Konteks Organisasi

Dalam literatur pengurusan, reputasi dan imej sering dibincangkan sebagai konsep yang berkaitan tetapi berbeza. Imej merujuk kepada tanggapan segera atau "gambaran mental" yang dipegang oleh pihak berkepentingan, yang sebahagian besarnya dibentuk oleh komunikasi organisasi dan keterlihatan luaran (D'Souza et al., 2021). Ia lebih mudah terpengaruh dengan naratif media dan kempen pemasaran. Sebaliknya, reputasi adalah aset jangka panjang yang dibina berdasarkan tindakan dan prestasi organisasi dari masa ke semasa (Tolbert, 2013). Ia adalah penilaian kolektif oleh pihak berkepentingan mengenai kebolehppercayaan dan integriti sesebuah organisasi.

Bagi institusi bukan bermatlamat keuntungan seperti institusi pendidikan Islam, kepercayaan (trust) adalah komponen teras bagi reputasi (D'Souza et al., 2021). Kepercayaan ini bukan sahaja merujuk kepada kecekapan dalam pengurusan kewangan atau penyampaian pendidikan, tetapi juga kepada integriti moral dan pematuhan terhadap misi yang diikrarkan. Pihak

berkepentingan, khususnya ibu bapa, menyerahkan bukan sahaja yuran tetapi juga anak-anak mereka kepada institusi, dengan kepercayaan penuh bahawa institusi akan bertindak demi kepentingan terbaik pelajar. Oleh itu, sebarang kepincangan dalam tadbir urus atau amalan boleh merosakkan kepercayaan ini dengan pantas, sekali gus memusnahkan reputasi yang dibina bertahun-tahun.

Tadbir Urus dan Tadbir Urus Reputasi dalam Pendidikan Tahfiz

Tadbir urus yang mantap merupakan prasyarat untuk sebarang institusi yang cemerlang. Kajian oleh Ilhaamie et al. (2022) di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) secara empirikal membuktikan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara amalan tadbir urus Islam (merangkumi ketelusan, akauntabiliti, dan kepimpinan beretika) dengan prestasi institusi. Ini mengesahkan bahawa tadbir urus yang baik bukan sekadar satu keperluan pentadbiran, tetapi satu pemacu strategik kepada kecemerlangan. Laporan IYRES (2019) juga menekankan kepentingan tadbir urus dalam pelbagai domain, termasuk pengurusan risiko keselamatan, pendaftaran rasmi, dan sistem pemantauan kualiti.

Tadbir urus reputasi (reputational governance) adalah satu langkah ke hadapan daripada tadbir urus konvensional. Ia melibatkan pengurusan strategik persepsi pihak berkepentingan dengan memastikan wujudnya penjajaran yang konsisten antara tiga elemen: identiti (siapa kita sebenarnya dan apa yang kita perjuangkan), imej (bagaimana kita mahu dilihat oleh orang lain), dan reputasi (bagaimana kita sebenarnya dilihat oleh orang lain). Bagi institusi tahfiz, ini bermakna setiap aspek operasi—daripada kurikulum, kaedah pengajaran, kebajikan pelajar, sehinggalah kepada pengurusan kewangan—mesti secara konsisten mencerminkan identiti dan imej yang ingin dipaparkan sebagai sebuah pusat pengajian al-Quran yang unggul dan relevan.

Laluan Huffaz Profesional: Respons Strategik Terhadap Jangkaan Baharu

Seiring dengan kemajuan sosioekonomi, jangkaan terhadap sistem pendidikan tahfiz telah berevolusi. Ibu bapa dan masyarakat kini bukan sahaja mengharapkan graduan yang hafaz al-Quran, tetapi juga graduan yang mampu melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi dan berjaya dalam bidang profesional. Menyedari anjakan ini, beberapa institusi pengajian tinggi awam telah mula memainkan peranan penting dalam mewujudkan laluan formal bagi graduan tahfiz. Satu contoh yang paling menonjol ialah Program Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program holistik ini direka khusus untuk membantu huffaz bukan sahaja mempertahankan dan mempertingkatkan hafazan mereka, tetapi juga untuk mengintegrasikan mereka ke dalam 515 program pengajian akademik di 26 fakulti di seluruh sistem UiTM. Visi program ini untuk "Melahirkan professional Huffaz Al-Quran" secara jelas menunjukkan satu anjakan paradigma: daripada memisahkan pendidikan tahfiz dan profesional, kepada mengintegrasikan kedua-duanya untuk melahirkan graduan yang memiliki "watak Al-Quran" dalam pelbagai bidang kepakaran. Inisiatif seperti ini merupakan satu respons strategik yang amat penting untuk meningkatkan imej dan reputasi keseluruhan ekosistem pendidikan tahfiz.

Cabaran Semasa yang Mempengaruhi Reputasi Institusi Tahfiz

Pertumbuhan pesat sektor pendidikan tahfiz telah mendedahkan beberapa cabaran struktur yang mempunyai implikasi reputasi yang signifikan. Latiff & Jaafar (2024) mengkategorikan cabaran-cabaran ini kepada empat bidang utama:

- i. **Cabaran Teknologi:** Pandemik COVID-19 telah mendedahkan jurang digital yang wujud. Banyak institusi tahfiz swasta, terutamanya, menghadapi kesukaran dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh kerana kekurangan infrastruktur dan kemahiran

digital (Zulfiqar & Muhamad, 2022). Ketidakupayaan untuk beradaptasi dengan teknologi boleh membawa kepada persepsi bahawa institusi tersebut ketinggalan zaman dan tidak mampan.

- ii. **Cabaran Masalah Sosial:** Insiden disiplin seperti kes buli atau penggunaan vape dalam kalangan pelajar, walaupun terencil, sering mendapat liputan media yang meluas (Latiff & Jaafar, 2024; Hidayah Sani, 2023). Isu-isu ini boleh mencalarakan imej institusi tahfiz secara keseluruhan, mewujudkan persepsi bahawa institusi ini gagal membentuk sahsiah pelajar seperti yang dijanjikan.
- iii. **Cabaran Pensijilan dan Akreditasi:** Salah satu cabaran terbesar ialah status sijil yang tidak diiktiraf, yang menghalang laluan pelajar untuk melanjutkan pelajaran atau memasuki pasaran kerja (Solahuddin Ismail, 2015). Isu ini menjejaskan reputasi institusi sebagai laluan pendidikan yang berdaya maju dan menimbulkan keraguan dalam kalangan ibu bapa mengenai masa depan anak-anak mereka. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) secara khusus meletakkan "Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan" sebagai salah satu teras utamanya (JAKIM, 2021).
- iv. **Cabaran Modenisasi:** Terdapat ketegangan antara mengekalkan kaedah pengajian tradisional dan keperluan untuk berintegrasi dengan sistem pendidikan moden yang merangkumi subjek akademik dan sains. Institusi yang hanya menawarkan pengajian tahfiz tulen mungkin dilihat sebagai tidak relevan dalam konteks semasa, manakala institusi yang berjaya mengintegrasikan kurikulum (seperti Maahad Integrasi Tahfiz Selangor - MITS) dilihat lebih progresif dan mempunyai reputasi yang lebih baik (Mohammad & Akhir, 2023).

Jurang dalam Literatur

Walaupun kajian-kajian sedia ada telah mengenal pasti pelbagai cabaran operasi dan tadbir urus dalam institusi tahfiz, masih terdapat kekurangan kerangka kerja yang bersepadu untuk menganalisis isu-isu ini melalui lensa pengurusan reputasi. Kebanyakan kajian tertumpu pada masalah individu (cth., kurikulum, kewangan) tanpa menghubungkaitkannya secara sistematik kepada bagaimana masalah ini mempengaruhi kepercayaan, keabsahan, dan imej keseluruhan institusi dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan mencadangkan satu kerangka konseptual yang holistik.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang dicadangkan ini mengintegrasikan Teori Pihak Berkepentingan dan Teori Institusi untuk menjelaskan bagaimana reputasi dan imej institusi tahfiz dibentuk. Teori Pihak Berkepentingan menghujahkan bahawa kelestarian sesebuah organisasi bergantung pada keupayaannya untuk mengurus dan memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan. Teori Institusi pula mencadangkan bahawa organisasi mendapatkan keabsahan dan sumber dengan mematuhi norma dan peraturan dalam persekitaran mereka.

Model Tadbir Urus Reputasi Institusi Tahfiz

Model ini terdiri daripada tiga komponen utama yang saling berhubung:

- i. **Asas Tadbir Urus Dalaman (Pemacu Reputasi):** Ini adalah tindakan dan dasar dalaman yang boleh dikawal oleh institusi dan menjadi asas kepada reputasinya.
 - **Tadbir Urus Strategik & Kewangan:** Merangkumi ketelusan dalam pengurusan kewangan, pematuhan kepada peraturan, dan perancangan strategik yang jelas (IYRES, 2019). Ini membina kepercayaan dalam kalangan penderma dan ibu bapa.

- Kecemerlangan Akademik & Kurikulum: Merangkumi kualiti tenaga pengajar, pembangunan kurikulum bersepadu (Tahfiz + Akademik/Vokasional), dan sistem penilaian yang mantap (Mohammad & Akhir, 2023). Ini membina reputasi untuk kualiti pendidikan.
 - Pengurusan Risiko & Keselamatan: Pematuhan kepada piawaian keselamatan bangunan, kesihatan, dan kebajikan pelajar. Ini adalah asas reputasi yang paling fundamental, di mana kegagalan boleh membawa kepada krisis.
 - Penjajaran Misi dan Budaya: Memastikan budaya, sahsiah pelajar, dan aktiviti harian selari dengan misi Islam yang menjadi teras penubuhan institusi (Daniels & Gustafson, 2016).
- ii. Penglibatan Pihak Berkepentingan & Pembentukan Persepsi: Ini adalah proses dua hala di mana institusi berkomunikasi dengan pihak luar dan pihak luar membentuk persepsi mereka.
- Komunikasi Strategik: Usaha proaktif institusi untuk menyampaikan maklumat mengenai pencapaian, tadbir urus, dan misinya melalui pelbagai saluran.
 - Pengalaman Pihak Berkepentingan: Pengalaman langsung ibu bapa dan pelajar dengan institusi (kualiti perkhidmatan, interaksi dengan guru).
 - Wacana Awam & Liputan Media: Bagaimana institusi dan sektor tahfiz secara amnya digambarkan dalam media dan perbualan awam.
- iii. Hasil Reputasi Jangka Panjang: Ini adalah aset tidak ketara yang terhasil daripada interaksi antara komponen 1 dan 2.
- Kepercayaan (Trust): Keyakinan mendalam pihak berkepentingan terhadap kecekapan dan integriti institusi.
 - Keabsahan (Legitimacy): Pengiktirafan rasmi (melalui akreditasi) dan tidak rasmi (penerimaan sosial) terhadap peranan dan sumbangan institusi.
 - Imej Positif & Jenama Kukuh: Persepsi umum yang baik dan jenama yang dikenali serta dihormati.
 - Sokongan & Kelestarian: Peningkatan pendaftaran pelajar, sokongan kewangan yang stabil, dan perkongsian strategik yang bermanfaat.

Jadual 1: Model Konseptual Tadbir Urus Reputasi Institusi Tahfiz

Komponen Utama	Dimensi / Sub-Komponen	Huraian dan Indikator
Asas Tadbir Urus Dalam (Pemacu Reputasi)	Tadbir Urus Strategik & Kewangan	Merangkumi ketelusan dalam pengurusan kewangan, pematuhan kepada peraturan, dan perancangan strategik yang jelas. Membina kepercayaan dalam kalangan penderma dan ibu bapa (IYRES, 2019).
	Kecemerlangan Akademik & Kurikulum	Merangkumi kualiti tenaga pengajar, pembangunan kurikulum bersepadu (Tahfiz + Akademik/Vokasional), dan sistem penilaian yang mantap. Membina reputasi untuk kualiti pendidikan (Mohammad & Akhir, 2023).
	Pengurusan Risiko & Keselamatan	Pematuhan kepada piawaian keselamatan bangunan, kesihatan, dan kebajikan pelajar. Asas reputasi fundamental di mana kegagalan boleh membawa krisis.
	Penjajaran Misi dan Budaya	Memastikan budaya, sahsiah pelajar, dan aktiviti harian selari dengan misi Islam yang menjadi teras penubuhan institusi (Daniels & Gustafson, 2016).

Penglibatan Pihak Berkepentingan & Pembentukan Persepsi	Komunikasi Strategik	Usaha proaktif institusi untuk menyampaikan maklumat mengenai pencapaian, tadbir urus, dan misinya melalui pelbagai saluran.
	Pengalaman Pihak Berkepentingan	Pengalaman langsung ibu bapa dan pelajar dengan institusi (kualiti perkhidmatan, interaksi dengan guru, persekitaran pembelajaran).
	Wacana Awam & Liputan Media	Bagaimana institusi dan sektor tahfiz secara amnya digambarkan dalam media massa dan perbualan awam.
Hasil Reputasi Jangka Panjang	Kepercayaan (Trust)	Keyakinan mendalam pihak berkepentingan terhadap kecekapan, integriti, dan kebolehpercayaan institusi.
	Keabsahan (Legitimacy)	Pengiktirafan rasmi (melalui akreditasi) dan tidak rasmi (penerimaan sosial) terhadap peranan dan sumbangan institusi dalam ekosistem pendidikan.
	Imej Positif & Jenama Kukuh	Persepsi umum yang baik dan jenama yang dikenali serta dihormati oleh masyarakat luas.
	Sokongan & Kelestarian	Hasil yang nyata seperti peningkatan pendaftaran pelajar, sokongan kewangan yang stabil, dan pembentukan perkongsian strategik yang bermanfaat.

Model ini menggambarkan bagaimana pemacu dalaman, melalui proses interaksi dengan pihak berkepentingan, membawa kepada hasil reputasi yang nyata dan berharga bagi institusi tahfiz. Ia menunjukkan sifat reputasi yang saling bergantung antara tindakan dalaman dan persepsi luaran. Model ini mencadangkan bahawa tadbir urus dalaman yang mantap, apabila disampaikan melalui komunikasi yang berkesan dan pengalaman positif, akan membina kepercayaan dan keabsahan, yang akhirnya membentuk reputasi dan imej yang cemerlang.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan (library research) dan analisis kandungan dokumen (documentary content analysis). Memandangkan ini adalah kertas kerja konseptual, ia tidak melibatkan pengumpulan data primer melalui kerja lapangan. Sebaliknya, ia membina hujahnya dengan menyintesis maklumat daripada sumber-sumber sekunder yang berautoriti.

Sumber data yang dianalisis merangkumi pelbagai kategori dokumen. Antaranya ialah artikel jurnal akademik yang membincangkan isu-isu berkaitan pendidikan tahfiz, pengurusan institusi Islam, dan tadbir urus di Malaysia. Selain itu, kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan dan simposium berkaitan pendidikan Islam, khususnya yang dianjurkan oleh institusi seperti Darul Quran JAKIM, turut dijadikan rujukan penting. Laporan penyelidikan dan dokumen dasar seperti Kajian ke Atas Institusi Pengajian Tahfiz di Malaysia oleh IYRES (2019) dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara oleh JAKIM (2021) memberikan gambaran menyeluruh tentang landskap semasa pendidikan tahfiz. Artikel berita daripada media arus perdana juga dianalisis bagi memahami konteks wacana awam dan persepsi masyarakat terhadap institusi tahfiz.

Proses analisis dijalankan secara berperingkat, bermula dengan pengekstrakan data yang relevan berdasarkan komponen utama kerangka konseptual seperti tadbir urus, cabaran institusi, dan persepsi pihak berkepentingan. Maklumat yang diperoleh kemudiannya dikategorikan mengikut tema-tema utama seperti cabaran pensijilan, tadbir urus kewangan, jangkaan ibu bapa, dan strategi modenisasi institusi. Tema-tema ini disintesis secara kritikal untuk membentuk hujah yang koheren, yang menjelaskan hubungan antara pelbagai faktor dan bagaimana ia menyokong pembentukan kerangka konseptual yang dicadangkan.

Pendekatan ini membolehkan pembangunan satu kerangka teori yang kaya dan berasaskan pengetahuan kolektif sedia ada dalam bidang pendidikan tahfiz. Ia juga memberikan asas yang kukuh untuk memahami secara mendalam dinamika reputasi dan imej institusi tahfiz dalam konteks tadbir urus Islam di Malaysia..

Analisis dan Perbincangan

Dengan menggunakan kerangka konseptual yang dicadangkan, analisis terhadap literatur sedia ada mendedahkan beberapa dinamik utama dalam tadbir urus reputasi institusi tahfiz di Malaysia.

Kepentingan Tadbir Urus Dalaman sebagai Teras Kepercayaan

Dapatan daripada pelbagai kajian secara konsisten menunjukkan bahawa tadbir urus dalaman adalah asas kepada reputasi. Laporan IYRES (2019) mendedahkan bahawa ibu bapa dan pihak berkepentingan lain amat mengambil berat tentang aspek pengurusan, keselamatan, dan kualiti tenaga pengajar. Institusi seperti Darul Quran JAKIM, yang mempunyai struktur tadbir urus yang jelas dan disokong oleh kerajaan, sering dijadikan penanda aras (Nordin, 2015). Sebaliknya, banyak institusi swasta yang lebih kecil bergelut dengan pengurusan kewangan dan sumber manusia yang terhad, yang mewujudkan risiko reputasi (Latiff & Jaafar, 2024). Kekurangan standard yang seragam dalam kurikulum dan kelayakan guru (Aznil Hashim et al., 2013, seperti yang dipetik dalam IYRES, 2019) juga menyumbang kepada persepsi kualiti yang tidak konsisten, yang menjejaskan reputasi sektor ini secara keseluruhan.

Peralihan Jangkaan Pihak Berkepentingan: Daripada Huffaz kepada Profesional

Jangkaan masyarakat terhadap institusi tahfiz telah beralih. Ia bukan lagi sekadar tempat untuk melahirkan huffaz, tetapi juga institusi yang mampu menyediakan laluan ke arah pendidikan tinggi dan kerjaya profesional (Mohammad & Akhir, 2023). Kerjasama antara Darul Quran dengan institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah satu strategi pengurusan reputasi yang bijak. Inisiatif seperti Program Plus Tahfiz UiTM adalah satu respons strategik yang cemerlang terhadap anjakan ini. Dengan menyediakan laluan yang jelas untuk graduan tahfiz memasuki aliran profesional sambil menyokong pemeliharaan hafazan mereka, UiTM secara langsung menangani kebimbangan mengenai kebolehpasaran dan masa depan graduan tahfiz. Program ini berfungsi sebagai "bukti konsep" yang kuat, meningkatkan reputasi bukan sahaja UiTM sebagai sebuah universiti yang inovatif dan prihatin, tetapi juga reputasi institusi-institusi tahfiz yang menjadi rakan kongsi atau pembekal pelajarnya. Ia memberi isyarat kepada pasaran bahawa pendidikan tahfiz adalah satu asas yang kukuh untuk kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Keabsahan Institusi: Peranan Akreditasi dan Penyeragaman

Salah satu cabaran reputasi terbesar, terutamanya bagi ribuan institusi tahfiz swasta, ialah isu keabsahan (legitimacy). Tanpa pendaftaran rasmi, akreditasi yang diiktiraf, dan pematuhan kepada piawaian kebangsaan, institusi-institusi ini beroperasi dalam keadaan yang terdedah kepada risiko dan kritikan awam (IYRES, 2019). Pelancaran Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) oleh JAKIM (2021) adalah satu langkah kritikal ke arah melembagakan (institutionalizing) dan menyeragamkan sektor ini. Dengan memberi tumpuan kepada lima teras utama—perundangan, model institusi, kurikulum, tadbir urus, dan pengiktirafan—DPTN bertujuan untuk membina satu ekosistem di mana semua institusi tahfiz, tidak kira saiz atau pemilikan, beroperasi di bawah satu payung kualiti dan akauntabiliti. Pelaksanaan DPTN yang

berjaya akan meningkatkan tahap keabsahan dan, secara langsung, reputasi keseluruhan sektor pendidikan tahfiz di Malaysia.

Implikasi

Analisis yang dibentangkan dalam kerangka konseptual ini bukan sahaja mempunyai kepentingan teoretikal, tetapi juga membawa implikasi praktikal yang signifikan untuk amalan dan dasar dalam ekosistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Dapatan konseptual ini menawarkan panduan yang boleh diambil tindakan oleh dua kumpulan utama: penggubal dasar di peringkat kebangsaan dan negeri, serta para pentadbir yang mengurus operasi harian institusi tahfiz itu sendiri.

Implikasi kepada Penggubal Dasar

Bagi penggubal dasar, terutamanya kerajaan dan badan-badan agama seperti JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), implikasi utama adalah keperluan untuk memperkasa pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Dasar ini berfungsi sebagai mekanisme utama untuk melembagakan (institutionalizing) sektor tahfiz, yang secara langsung membina keabsahan (legitimacy) dan kepercayaan awam. Tumpuan harus diberikan kepada pelaksanaan berkesan kelima-lima teras DPTN, terutamanya dalam mempermudah proses pendaftaran dan menyediakan sokongan teknikal untuk institusi yang lebih kecil bagi membantu mereka mencapai standard yang ditetapkan. Ini amat kritikal bagi ribuan institusi tahfiz swasta yang sering kali kekurangan sumber untuk menavigasi proses birokrasi yang kompleks atau memenuhi piawaian keselamatan dan akademik. Usaha ini akan memastikan satu standard kualiti minimum dapat dicapai di seluruh negara, sekaligus mengurangkan risiko reputasi yang berpunca daripada institusi yang beroperasi di bawah piawaian.

Selain daripada penyeragaman, penggubal dasar juga mempunyai peranan penting dalam membentuk persepsi mengenai kebolehpasaran (marketability) dan kerelevanan graduan tahfiz. Inisiatif strategik seperti Program Plus Tahfiz UiTM perlu dilihat bukan sebagai satu program terpencil, tetapi sebagai satu model rintis yang boleh digalakkan di peringkat nasional. Melalui Kementerian Pendidikan Tinggi, kerajaan boleh mewujudkan insentif atau dasar yang menggalakkan lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) untuk membangunkan laluan khas atau program sokongan bagi graduan tahfiz. Langkah ini akan menghantar isyarat yang kuat kepada masyarakat, terutamanya ibu bapa, bahawa pendidikan tahfiz adalah satu asas yang kukuh untuk kecemerlangan dalam pelbagai bidang profesional, sekali gus meningkatkan imej dan reputasi keseluruhan sektor ini sebagai satu laluan pendidikan yang berdaya maju dan holistik.

Implikasi kepada Pentadbir Institusi Tahfiz

Bagi pentadbir institusi tahfiz pula, implikasi yang paling mendesak ialah keperluan untuk menganjak paradigma daripada pengurusan operasi harian kepada tadbir urus reputasi yang bersifat strategik dan proaktif. Ini menuntut agar reputasi tidak lagi dilihat sebagai hasil sampingan, tetapi sebagai aset teras yang perlu diurus secara sengaja. Langkah-langkah praktikal termasuklah penubuhan jawatankuasa tadbir urus yang memfokuskan kepada risiko reputasi, pembangunan pelan komunikasi krisis, dan pelaksanaan mekanisme penglibatan pihak berkepentingan (stakeholder engagement) yang formal dan berkala. Pentadbir perlu secara aktif mendengar dan bertindak balas terhadap kebimbangan ibu bapa, menjalin hubungan baik dengan media, dan bekerjasama dengan badan pengawal selia, bukan hanya untuk pematuhan, tetapi sebagai rakan kongsi dalam membina reputasi.

Selari dengan pengurusan reputasi strategik, ketelusan dan akauntabiliti menjadi elemen yang tidak boleh dikompromi, terutamanya bagi institusi yang menerima dana daripada orang awam melalui yuran, derma, atau wakaf. Institusi-institusi ini mempunyai tanggungjawab moral dan strategik untuk lebih telus dalam laporan kewangan dan prestasi mereka bagi membina dan mengekalkan kepercayaan. Ketelusan ini kemudiannya menjadi asas kepada usaha pembangunan jenama (brand development) yang autentik. Dalam pasaran pendidikan yang semakin sesak, setiap institusi perlu bertanya: "Selain daripada hafazan, apakah nilai unik yang kami tawarkan?" Adakah ia integrasi kurikulum dengan sains dan teknologi, tumpuan khas pada pembangunan keusahawanan, atau program pembentukan sahsiah yang terbukti berkesan? Mengenal pasti dan mengkomunikasikan nilai unik ini secara konsisten akan membantu institusi membina imej yang jelas dan menarik, membezakan mereka daripada institusi lain, dan menarik sokongan pihak berkepentingan yang sejajar dengan misi mereka.

Kesimpulan

Reputasi dan imej institusi pendidikan tahfiz di Malaysia berada pada satu persimpangan jalan yang kritikal. Di satu pihak, terdapat permintaan yang tinggi dan kepercayaan masyarakat yang mendalam. Di pihak yang lain, pertumbuhan pesat tanpa tadbir urus yang seragam telah mendedahkan sektor ini kepada pelbagai risiko reputasi. Kelestarian dan kemajuan pendidikan tahfiz pada masa hadapan amat bergantung pada keupayaan kolektif para penggubal dasar dan pentadbir institusi untuk beralih daripada pengurusan reaktif kepada tadbir urus reputasi yang proaktif dan strategik. Kertas kerja ini telah mencadangkan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan tadbir urus dalaman, persepsi luaran, dan hasil reputasi seperti kepercayaan dan keabsahan. Kerangka ini menawarkan satu alat untuk institusi tahfiz menilai kedudukan reputasi mereka dan merancang strategi penambahbaikan. Sumbangan utama kertas kerja ini adalah untuk merapatkan jurang antara perbincangan mengenai cabaran operasi harian institusi tahfiz dengan wacana yang lebih luas mengenai pengurusan strategik, penjenamaan, dan tadbir urus reputasi dalam konteks institusi pendidikan Islam. Walaupun bersifat konseptual, diharap kerangka ini dapat merangsang penyelidikan empirikal pada masa hadapan dan, yang lebih penting, membantu para pengamal dalam usaha murni mereka untuk memartabatkan pendidikan al-Quran di Malaysia.

Rujukan

- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa. (2022). Isu Dan Cabaran Pengelolaan Kelas Pengajian Tahfiz Al-Quran Secara Dalam Talian (Online) Di Institusi Tahfiz Swasta Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 7(1), 62-72.
- Abdul Latiff, M. I., & Jaafar, N. (2024). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Proses Perkembangan Dan Cabaran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63.
- Daniels, J. R., & Gustafson, J. N. (2016). Faith-based institutions, institutional mission, and the public good. *Higher Learning Research Communications*, 6(2), 90-100.
- D'Souza, C., Valladares, L., Ratten, V., Nanere, M., Ahmed, T., Nguyen, N., & Marimuthu, M. (2021). The Effects of Religious Participation and Brand Image on Commitment to Donate to Faith-Based Charities. *Journal of Nonprofit & Public Sector Marketing*, 33(4), 1-32.
- Hidayah Sani. (2023). Ketagihan Vape Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz dan Pondok Amat Membimbangkan. *The Merdeka Times* (Kuala Lumpur) April 11.
- Ilhaamie, A. G. A., Hamid, A. A., Muhamad, A., & Tengku Kassim, T. S. A. (2022). Hubungan antara tadbir urus dan prestasi: Kajian di Darul Quran. Dalam M. F. A. Adi, M. L. Abdul Hadi, & R. Zakaria (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat* (Siri 3) (hlm. 37-54). Penerbit FPPI, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). (2019). Kajian ke Atas Institusi Pengajian Tahfiz di Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*.
- Mohammad, N. H., & Akhir, N. S. M. (2023). Kepelbagaian Pengurusan, Potensi dan Cabaran Institusi Tahfiz di Malaysia. *Asian People Journal*, 6(1), 36–52.
- Nordin, B. A. (2015). Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV, Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., & Rahman, A. H. A. (2021). Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 75-90.
- Solahuddin Ismail. (2015). Pembangunan dan Perubahan Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kedah 1800M-2012M. Tesis Doktor Falsafah, Tidak diterbitkan, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tolbert, D. (2013). *An Exploration of the Use of Branding to Shape Institutional Image in the Marketing Activities of Faith-Based Higher Education Institutions* [Disertasi Doktor Falsafah, Union University]. ProQuest Dissertations & Theses Global.
- Universiti Teknologi MARA. (t.t.). Program Plus Tahfiz. Diperoleh daripada <https://acis.uitm.edu.my/index.php/programme/plus-tahfiz>